

Rujukan Kami : 500-BPD(BKK.14/3/2/3)
Tarikh : 19 Mei 2016

Semua
Pemegang Biasiswa UiTM/KPT

Tuan/Puan

LARANGAN PENGLIBATAN PEGAWAI / PELAJAR TAJAAN BIASISWA KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (KPT) DALAM MEMELIHARA INTEGRITI DAN NAMA BAIK KERAJAAN SEMASA MENGGUNAKAN KEMUDAHAN MEDIA SOSIAL DI INTERNET

Dengan hormatnya perkara di atas dan surat daripada Kementerian Pendidikan Tinggi rujukan KPT.B.600-1 Jld (21) bertarikh 18 Mac 2016 dirujuk.

2. Bersama ini disertakan salinan surat berkenaan untuk makluman tuan/puan selanjutnya.

3. Atas kerjasama tuan/puan diucapkan terima kasih.

Sekian.

Yang menjalankan tugas



NUSUHAH MOHAMAD
Timbalan Pendaftar
b.p Pendaftar

Dilampirkan.

Laman web : <http://pendaftar.uitm.edu.my>



Certified to ISO 9001:2008
Cert. No.: AR 3347



DAZ



Certified to ISO 9001:2008
Cert. No.: MY-AI3 3347



KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 PUTRAJAYA
MALAYSIA

SECRETARY GENERAL
MINISTRY OF HIGHER EDUCATION

Tel : 603-8870 5051
Faks (Fax) : 603-8870 6806
Laman Web (Web) : <http://www.mohe.gov.my>



Ruj Kami: KPT.B.600-1 Jld.
Tarikh : 18 Mac 2016



SEPERTI SENARAI EDARAN SHAH ALAM

YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan,

LARANGAN PENGLIBATAN PEGAWAI/PELAJAR TAJAAN BIASISWA KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (KPT) DALAM MEMELIHARA INTEGRITI DAN NAMA BAIK KERAJAAN SEMASA MENGGUNAKAN KEMUDAHAN MEDIA SOSIAL DI INTERNET

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan sedia maklum, kelebihan penggunaan media sosial seperti Facebook, Twitter, Youtube, Blog dan WhatsApp pada hari ini banyak membantu urusan bagi mendapatkan maklumat terkini dan menjadi medium perhubungan yang paling pantas dan efektif. Tidak dinafikan, Kerajaan juga menggunakan media sebegini untuk menyalurkan maklumat serta berinteraksi bersama pelanggan dan orang awam. Dalam hal ini, KPT juga tidak terkecuali menjadikan media sosial sebagai perantara dalam interaksi dan saluran maklumat dengan semua pelanggan khususnya pegawai/pelajar tajaan di luar negara.

3. Walau bagaimanapun, Kementerian ini telah menerima banyak maklum balas dan aduan mengenai penglibatan pegawai/pelajar tajaan yang memberi pandangan negatif secara keterlaluan, dan tidak mengikut saluran serta etika yang sewajarnya terhadap dasar-dasar Kerajaan khususnya dengan menggunakan media sosial tersebut. Insiden sebegini bukan sahaja melibatkan maruah dan nama baik Kementerian, malah turut menjelaskan imej perkhidmatan awam, dan nama baik Malaysia di mata dunia.

4. Untuk makluman YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan, klausula 4(b) dalam perjanjian tajaan biasiswa yang ditandatangani antara pihak pelajar dan pihak Kerajaan menyatakan:

" bahawa, pada sepanjang kursus latihan itu, dia tidak akan mengambil bahagian dalam apa-apa juga kegiatan yang difikirkan oleh KERAJAAN tidak sesuai atau tidak berfaedah kepada PEGAWAI/PELAJAR atau negara dan akan berhenti daripada mengambil bahagian selanjutnya dalam kegiatan itu, jika dikehendaki berbuat demikian; ".

PROF. EMERITUS DATO' DR HASSAN SAID
Naib Canselor / Presiden
Universiti Teknologi MARA
Aras 6, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin
40450 Shah Alam, Selangor

W. Andes
Naib Canselor
P. S. J. 3
Andes
1/1

5. Manakala, klausula 6(a) memperuntukkan bahawa Kerajaan di bawah Perjanjian ini boleh mengikut budi bicaranya yang mutlak menamatkan Hadiah Latihan pegawai/ pelajar pada bila-bila masa dalam tempoh kursus latihan sekiranya:

“ telah pada pendapat KERAJAAN berkelakuan secara yang telah menjatuhkan nama baiknya atau nama baik Malaysia, atau kecuaianya yang menunjukkan dirinya sebagai tidak mengendahkan kursus latihannya; ”.

6. Sehubungan itu, pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan adalah diarahkan untuk mengambil tindakan sewajarnya terhadap pegawai/ pelajar yang terlibat berdasarkan perjanjian tersebut di atas dan perjanjian-perjanjian lain yang berkaitan yang telah ditandatangani oleh pihak-pihak berkaitan serta mengikuti peraturan dan undang-undang yang berkuat kuasa.

7. Kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' SERI IR. DR. ZAINI UJANG)